

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 24/02/2020

Kedudukan Anggota Pentadbiran Berikutan Peletakan Jawatan YAB Perdana Menteri Malaysia



KEDUDUKAN ANGGOTA PENTADBIRAN BERIKUTAN PELETAKAN JAWATAN YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan untuk membatalkan pelantikan Menteri-Menteri atas nasihat YAB Perdana Menteri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 43(5) Perlembagaan Persekutuan pada 24 Februari 2020 selaras dengan peletakan jawatan YAB Perdana Menteri.

Sehubungan itu, tugas-tugas Anggota Pentadbiran (merangkumi YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Setiausaha Politik) adalah terhenti pada tarikh yang sama.

MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara

24 Februari 2020

Hakcipta Terpelihara © 2018 Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/media/releases/11>